

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (MTUC)

KURANGKAN CARUMAN KWSP BUKAN LANGKAH POSITIF, KATA MTUC

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata keputusan kerajaan mengurangkan caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus, bukan satu langkah bijak.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata jumlah dua peratus yang dikurangkan itu bagi menambah pendapatan yang boleh dibelanjakan oleh pekerja adalah tidak seberapa.

"Kalau gaji seorang pekerja rendah itu RM500, dua peratus yang tidak dicarum ke dalam KWSP ialah sebanyak RM10, apa sangat yang boleh dibeli (dengan nilai RM10 itu)," katanya ketika dihubungi ekoran pengumuman kerajaan hari ini berhubung pakej strategi baru untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antara lain hari ini mengumumkan pengurangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus untuk satu tahun bermula 1 Jun tahun ini sebagai langkah lain untuk menambah pendapatan boleh guna rakyat.

Langkah mengurangkan caruman KWSP itu merupakan kali kedua dilaksanakan kerajaan.

Kali pertama caruman dikurangkan pada April 2001 hingga April tahun lepas, semasa kerajaan melaksanakan langkah pendahuluan merangsangkan ekonomi negara berikutan kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat.

Zainal berkata MTUC bagaimanapun menyokong langkah lain yang diambil kerajaan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara terutama dalam menghadapi ketidakpastian global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

-- BERNAMA

HS AZZ LAT